

17/01/1998

Langkah negara pulih ekonomi dipuji

PENGARAH Urusan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), Michel Camdessus menyatakan langkah yang diambil oleh Malaysia untuk mengatasi masalah ekonomi negara setakat ini adalah baik.

Beliau berkata kerajaan juga sudah melaksanakan langkah itu pada ketika yang tepat.

"Saya memberitahu Perdana Menteri mengenai penghargaan saya terhadap pelaksanaan langkah itu yang kena pada masanya," katanya kepada pemberita selepas berbincang dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Kuala Lumpur, semalam.

Camdessus tiba kelmarin bagi lawatan selama dua hari. Beliau mengunjungi beberapa negara Asia termasuk Korea Selatan dalam usahanya untuk meringankan krisis ekonomi yang dihadapi rantau ini.

Beliau juga menghargai dan menyambut baik langkah jimat-cermat yang dilaksanakan oleh kerajaan seperti yang diumumkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim 5 Disember lalu.

Langkah itu termasuk pemotongan 18 peratus perbelanjaan kerajaan, mengurangkan kadar pertumbuhan ekonomi daripada tujuh peratus kepada antara empat dan lima peratus, membendung pertumbuhan kredit dan memastikan pinjaman hanya disalurkan kepada sektor produktif.

Camdessus berkata, langkah sedemikian memang diperlukan dan dilaksanakan tepat pada masanya.

"Kami sudah mengulas mengenai prospektif negara ini (Malaysia) dan cara untuk membantu bagi memulih daripada kelembapan ekonomi ketika ini serta mengukuhkannya bagi mencapai pertumbuhan mapan seperti yang dicita-citakan oleh Dr Mahathir terhadap negaranya," katanya.

Beliau berkata, pihaknya juga berharap Malaysia mampu menangani krisis ekonominya dengan sendiri tanpa perlu bergantung kepada sokongan antarabangsa.

(END)